

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR BERSEMPENA
HARI INTEGRITI
PERINGKAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Yang Berbahagia,

Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti,

Barisan Pengurusan Kanan Universiti,

Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Unit

Seterusnya seluruh warga UiTM.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu sukacita ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, dapat sama-sama kita meraikan Hari Integriti peringkat Universiti Teknologi MARA bagi tahun 2021.
2. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Integriti dan Jabatan Komunikasi dalam penganjuran Hari Integriti peringkat Universiti Teknologi MARA pada tahun ini. Sesungguhnya, sambutan Hari Integriti ini menunjukkan komitmen universiti untuk membudaya dan menyemarakkan integriti dalam kalangan keluarga UiTM.
3. **Hadirin Sekalian,**
Hari Integriti merupakan acara tahunan yang disambut pada tanggal 5 November setiap tahun. Pada tahun ini, Hari Integriti diraikan dengan tema '**Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia**' yang

mana ianya menunjukkan penekanan kepada kekuatan sesebuah institusi kekeluargaan perlulah diikat dengan nilai-nilai murni dan merentasi sempadan fahaman, agama dan kaum.

4. Umum sedia maklum bahawa keluarga Universiti Teknologi MARA terdiri daripada sebuah keluarga yang besar. Berasaskan kekuatan seramai Lapan Belas Ribu orang staf dan Seratus Tujuh Puluh Ribu orang pelajar menunjukkan keluarga UiTM mampu memberi impak yang besar kepada Negara dalam mempamerkan integriti dalam setiap aspek perkhidmatan seperti pengurusan hal ehwal pelajar, hal ehwal akademik, penyelidikan, pembangunan infrastruktur dan infostruktur, jaringan industri komuniti dan alumni, sumber manusia dan kewangan.

5. Setiap daripada bidang perkhidmatan ini mempunyai cabaran yang tersendiri dalam memartabatkan dan menghayati integriti. Namun, walau badai menimpa, dilambung ombak yang tinggi sekalipun, keluarga

UiTM perlu pastikan integriti tetap dipegang dan disemat dalam setiap daripada diri kita.

6. Hadirin sekalian,

Integriti dalam keluarga UiTM amat penting memandangkan setiap keputusan yang dibuat dan tindakan yang diambil perlulah dilaksanakan dengan penuh amanah, telus, tiada konflik kepentingan, tiada unsur salah guna kuasa, berakauntabiliti dan patuh kepada peraturan, garis panduan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Semua keluarga UiTM perlulah memastikan kepentingan universiti menjadi keutamaan berbanding kepentingan peribadi. Punca berlakunya isu integriti apabila seseorang individu membelakangkan kepentingan universiti dengan memberi keutamaan kepada kepentingan peribadi sehingga mengatas segala peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Cara penyelesaiannya adalah setiap daripada keluarga

UiTM perlulah berpegang teguh kepada integriti dan menanam disiplin yang tinggi dalam diri dan seterusnya ia akan mempamerkan keperibadian yang unggul.

7. Komitmen Pengurusan Universiti dalam memartabatkan integriti juga dapat ditunjukkan melalui pengisytiharan kepentingan dan akuan menjaga kerahsiaan dalam semua mesyuarat peringkat eksekutif. Inisiatif ini amat signifikan dalam memastikan setiap keputusan yang dibuat dalam mesyuarat perlulah bebas daripada unsur konflik kepentingan oleh Pengerusi dan Ahli mesyuarat. Prinsip kerahsiaan juga hendaklah dipatuhi selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi memastikan keputusan yang dibuat tidak dieksplorasi sehingga menjaskankan kepentingan universiti. Tidak ketinggalan juga, keluarga UiTM telah menunjukkan komitmen kepada integriti apabila setiap daripada kita menandatangani Surat Aku Janji yang mana kita semua telah berjanji akan mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta

605) sepanjang perkhidmatan dengan UiTM yang tercinta ini.

8. Para Hadirin sekalian,

Bersempena dengan Hari Integriti peringkat Universiti Teknologi MARA pada tahun ini, pelbagai program telah dirancang seperti program bual bicara berkaitan dengan rasuah dalam perkhidmatan awam, saham niaga hadapan, pengurusan rahsia rasmi dan majlis Ikrar Bebas Rasuah oleh Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan Universiti. Besarlah harapan saya agar semua keluarga UiTM dapat menyertai program ini seterusnya meningkatkan pemahaman berkaitan topik-topik yang akan dibincangkan.

9. Program-program yang telah disusun atur ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran, meningkatkan pemahaman serta menyebarluaskan kepentingan integriti khususnya kepada keluarga UiTM. Diharapkan agar program ini dapat membentuk warga kerja yang lebih beretika dan memupuk keluarga UiTM agar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

10. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Unit Integriti dan Jabatan Komunikasi serta seluruh pihak yang terlibat dalam penganjuran Hari Integriti peringkat Universiti Teknologi MARA bagi tahun 2021.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Hari Integriti Universiti Teknologi MARA tahun 2021.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.